

21 JUL 2000

M'SIA-PASARAN AUTO/I

M'SIA TIDAK AKAN RUGI DENGAN PENANGGUHAN PEMBUKAAN INDUSTRI AUTO

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Keputusan Malaysia menangguhkan pembukaan industri automobilnya tidak semestinya negara akan kehilangan penguasaan pasaran dan pelaburan langsung asingnya (FDI), demikian menurut pegawai Persatuan Pengilang Automobil Jepun (Jama) hari ini.

Koji Wanaka, pengerusi ahli jawatankuasa kecil yang berurusan dengan isu-isu mengenai perdagangan berkata apa yang penting untuk dilakukan oleh industri automotif ialah mengukuhkan daya saing dan ini memerlukan usaha-usaha industri.

Untuk berdaya saing, syarikat-syarikat auto perlu didedahkan kepada persaingan antarabangsa.

"Melindungi para pengeluar tanpa memberi sebarang pendedahan kepada mereka dari segi persaingan ... kadang-kadang perlu untuk hanya beberapa ketika tetapi jika ia terus berpanjangan, ia mungkin menjejaskan mereka (pengeluar auto) dalam tempoh jangka panjang," beliau berkata pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa supaya strategi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) disemak kembali, terutamanya mengenai pembukaan industri automotif.

Awal tahun ini, negara-negara Asean bercadang untuk menangguhkan pemindahan produk-produk unit komponen dipasang semula (CBU) dan unit terurai (CKD) industri automotif daripada Senarai Kemasukan Sementara kepada Senarai Kemasukan pada Jan 1, 2001.

Sekiranya Malaysia mampu mempertingkatkan daya saingnya, ia mempunyai peluang yang sama dengan negara-negara lain di Asean, kata beliau.

Wanaka juga berkata beliau menghormati keputusan Malaysia untuk menangguh pembukaan industri automotifnya dan percaya kerajaan mempunyai alasannya sendiri ketika membuat keputusan itu.

Bagaimanapun, secara peribadi beliau merasakan industri itu perlu "dibebaskan" secepat mungkin.

"Lebih cepat ia didedahkan kepada persaingan di peringkat tertinggi, lebih banyak peluang untuk ia terus mengukuh," kata beliau.

Sementara itu, Wanaka percaya pembuat-pembuat auto Jepun yang beroperasi di tujuh buah kilang di Malaysia boleh mengeluarkan lebih daripada 292,000 unit, melebihi jumlah keluaran tahun lepas.

Peningkatan jumlah pengeluaran didorong oleh kekukuhan ekonomi Malaysia dan peningkatan pendapatan modal, kata beliau.

-- BERNAMA

LES LPS AA